

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 5/1982

**REKOD DAN LAPORAN KEMAJUAN PERMOHONAN MEMILIKI/MEMAJUKAN
TANAH KERAJAAN OLEH AJENSI-AJENSI KERAJAAN**

Mengikut Arahan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil.2/82 semua permohonan memaju/memiliki tanah Kerajaan untuk dijadikan Rancangan Pembangunan Tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 atau Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai -ramai) 1960 oleh Ajensi -Ajensi Kerajaan diproseskan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan dimana tanah itu terletak.

2. Bagi memastikan proses itu berjalan lancar bagaimana yang dirancang dan untuk menyenangkan maklumat-maklumat mengenainya yang kemaskini diperolehi maka satu Buku Rekod Kemajuan perlulah disediakan dan Laporan Kemajuan Bulanan dihantar ke Pejabat ini.

3. Dengan ini semua Pemungut Hasil Tanah dikehendaki:-

3.1. Menyediakan Buku Rekod Kemajuan itu yang mengandungi ruangan sebagaimana di **Lampiran 'A'** berkembar dan mengemaskinikannya dari semasa ke semasa.

3.2. Menghantar Laporan Kemajuan Bulanan dengan menggunakan format sebagaimana **Lampiran 'B'** berkembar. Laporan itu hendaklah dihantar kepada saua dengan salinan kepada YAB. Dato' Menteri Besar Kelantan dan YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan dan hendaklah sampai sebelum 7 haribulan pada tiap-tiap bulan.

4. Semua Pemungut Hasil Tanah dikehendaki menyediakan Buku Rekod Kemajuan dan menghantar Laporan Kemajuan Bulan Jun, 1982 dalam tempoh 14 hari dari tarikh arahan ini dikeluarkan.

t.t
(AB HAMID BIN HAJI ABU BAKAR)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN
KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 15HB. JULAI, 1982

FAIL :PTG(KN) SULIT 8/71 BHG.2/(36)

KEPADA:

Semua Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan, **KOTA BHARU.**

SALINAN KEPADA:

1. YAB.Dato' Menteri Besar,
Kelantan, **KOTA BHARU.**
2. YB.Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan, **KOTA BHARU.**
3. Pengurus Besar,
PKINK, Kota Bharu, **KELANTAN.**
4. Pen.Pengawal Wilayah FELDA,
Kota Bharu, **KELANTAN.**
5. Ketua Pegawai FELCRA Negeri,
Kelantan, **KOTA BHARU.**
6. Pegawai RISDA,
Kelantan, **KOTA BHARU**
7. Pengurus Besar KESEDAR,
Kelantan, **KOTA BHARU**
8. Pengarah YAKIN,
Kota Bharu, **KELANTAN**
9. Pengurus Lembaga Urusan dan Tabong Haji,
Kelantan,
KOTA BHARU.

REKOD PERMOHONAN MEMILIKI/MEMAJUKAN TANAH UNTUK DIJADIKAN

Bil	Nama Projek (Kawasan Tanah Dan Mukim)	Nama Agensi	Keluasan (Haktar)	Bil. Peserta	Tanaman Utama	No.Fail Pejabat Tanah	No.Fail Ajensi berkenaan Tanah
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)
1.							
2.							
3.							
4.							
5.							
6.							
7.							
8.							
9.							
10.							
11.							

NOTA :

Ruangan (9) hingga (21) isikan tarikh tindakan itu dilaksanakan.

LAMPIRAN 'A'

RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH OLEH AJENSI-AJENSI KERAJAAN

[illegible]

*** jika berkenaan sahaja**